

# Tindakan Arab lipatgandakan keluaran minyak dialu

**KELANG, Ahad** — Kerajaan mengalu-alukan tindakan Arab Saudi melipatgandakan pengeluaran minyaknya untuk menstabilkan harga bahan itu di pasaran antarabangsa.

Ini tentunya akan dapat membantu negara-negara membangun terutamanya yang mungkin menjalankan kegiatan pembangunannya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berharap negara-negara pengeluar minyak akan menghadkan kenaikan harga minyak mentah mereka ditahap AS\$34 setong sekarang.

"Sebenarnya mereka telah untung kira-kira AS\$32 bagi setiap tong minyak mentah yang dijual kerana kos pengeluaran mereka adalah hanya AS\$2," jelasnya.

"Saya sungguh berbesar hati dengan tindakan Menteri Minyak Arab, Sheikh Ahmad Zaki Yamani yang sanggup mengeluarkan minyak dengan banyak untuk menyeimbangkan keadaan pasaran minyak mentah dunia," ujarnya.

Mengenal kemungkinan harga gula dipasaran tempatan diturunkan berikutan dengan kejatuhan harga gula mentah di pasaran antarabangsa, beliau berkata: "Kerajaan terpaksa mengambil masa untuk membuat keputusan mengenai hal ini.

---

"Kita terpaksa mengkaji sama ada kejatuhan harga itu boleh berkekalan sehingga dua atau tiga tahun."

Beliau bagaimanapun, mengalu-alukan tindakan beberapa peruncit yang telah menurunkan harga jualan gula mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak setuju dengan dakwaan menyatakannya kerajaan terlalu memberi muka kepada pengilang atau pengedar gula sehingga terpaksa menaikkan harga bahan itu.

Beliau berkata, pengilang dan pengedar pada suatu ketika pernah menghadapi kerugian kerana harga bahan itu di pasaran antarabangsa melambung dari \$500 hingga \$2,200 satu tan metrik.

"Mereka menggesa kerajaan membenarkan kenaikan harga gula berharga 75 sen di waktu itu.

"Tetapi kita beri alasan kononnya kita terpaksa mengkaji perkara itu dengan teliti.

"Kajian kita memakan masa sehingga lapan bulan sebelum mengumumkan kenaikannya," jelasnya.